



PENDEKATAN DAKWAH KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA (KAGAT) TERHADAP SAUDARA MUSLIM ATM

[DA'WAH APPROACH OF THE ARMED FORCES RELIGIOUS CORPS (KAGAT) TOWARDS MAF MUSLIM BROTHERS]

MOHD FAUZAN MD NOR,¹ ANUAR PUTEH^{1*} & ABDUL GHAFAR DON¹

¹ Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. MALAYSIA

Corresponding Author: anteh@ukm.edu.my

Received: 29 June 2021

Accepted: 10 July 2021

Published: 9 November 2021

Abstrak: Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) merupakan Kor yang ke 16 dalam Tentera Darat Malaysia (TD). Peranan utamanya adalah memberi pendidikan Islam dan perkhidmatan keagamaan kepada warga tentera merangkumi kesemua cabang Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan peranan dan sumbangan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) terhadap usaha dakwah dalam kalangan saudara Muslim ATM. Kajian ini adalah merupakan kajian kepustakaan. Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah analisis kandungan dengan merujuk kepada literatur berkaitan subjek kajian seperti jurnal, buku, laporan dan lain-lain dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa KAGAT telah memainkan peranan yang begitu penting terhadap pendekatan dakwah saudara Muslim dalam kalangan anggota ATM. Kajian juga mendapati bahawa terdapat dua bentuk pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh KAGAT terhadap saudara Muslim iaitu dakwah *bi al-Lisan* dan dakwah *bi al-Hal* sebagai satu usaha dan proses dakwah bagi membantu meningkatkan kefahaman saudara Muslim tentang ajaran agama Islam. Bagi dakwah *bi al-Lisan*, pendekatan yang digunakan adalah Kelas-kelas Pengajian (Bimbingan dan Fardu Ain), Kursus Asas Saudara Muslim, Kursus Penghayatan Saudara Muslim, Kursus Pemantapan Akidah Saudara Muslim, Konvensyen Saudara Muslim, Modul Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA), Pengajian al-Quran, Kaunseling dan Khidmat Nasihat. Manakala dakwah *bi al-Hal* pula, pendekatan dakwah yang dilaksanakan ialah Program Mentor Mentee, Program Ziarah dan Aktiviti Sosial, Pemberian Bantuan Tabung Zakat ATM. Berdasarkan dapatan ini, dapatlah dirumuskan bahawa KAGAT telah berperanan secara pro aktif dalam dakwah melalui pendekatan tertentu bagi membantu meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam saudara Muslim.

Kata kunci: Pendekatan Dakwah, KAGAT, Saudara Muslim, Angkatan Tentera Malaysia.

Abstract: The Armed Forces Religious Corps (KAGAT) is the 16th Corps in the Malaysian Army (TD). The main role is to provide Islamic education and religious services to military personnel covering all branches services of the Malaysian Armed Forces (MAF) are Malaysian Army, Royal Malaysian Navy and Royal Malaysian Air Force. This article aims to discuss the role and contribution of the Armed Forces Religious Corps (KAGAT) towards the da'wah effort among the Muslim brothers of the MAF. This study is a literature review. The instruments used in the study is content analysis with reference of

literature related to the study subject such as journals, books, reports and other documents. The results of the study found that KAGAT has played such an important role in the approach of da'wah of Muslim brothers among TD members. The study also found that there are two forms of da'wah approach implemented by KAGAT towards Muslims are the method of da'wah bi al-Lisan and da'wah bi al-Hal as an effort and process of da'wah to help increase the understanding of Muslims about the teachings of Islam. The approach implemented in da'wah bi al-Lisan are Muslim Brothers Strengthening Course, Muslim Brothers Convention, Islamic Education Module and Fardu Ain (PIFA), Al-Quran Study, Counseling and Advisory Services. Besides, da'wah bi al-Hal used Mentor Mentee Program, Visiting and Social Activities Program, Provision of ATM Zakat Fund Assistance. Based on the findings, it can be conclude that KAGAT has played a proactive role in da'wah through certain approaches to help increase the understanding and appreciation of Islam among Muslim brothers.

Keywords: Da'wah Approach, KAGAT, Muslim Brothers, Malaysian Armed Forces.

Cite This Article:

Mohd Fauzan Md Nor, Anuar Puteh & Abdul Ghafar Don. 2021. Pendekatan dakwah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) terhadap Saudara Muslim ATM [Da'wah Approaches of the Armed Forces Religious Corps (KAGAT) towards MAF Muslim Brothers]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 38-54.

PENGENALAN

Islam merupakan sebuah agama yang syumul dan ajarannya meliputi segenap aspek kehidupan. Umat Islam yang berpegang teguh dengan ajarannya juga dianjurkan untuk menyebarkan agama ini ke seluruh pelosok dunia agar ajaran Islam dapat berkembang serta dianuti oleh setiap insan tanpa mengira agama, bangsa dan negara. Islam merupakan agama yang membawa rahmat kepada seluruh umat manusia seperti mana yang tercatat dalam Al-Quran melalui firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' (21) ayat 107 bermaksud: "Tidak kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan menjadi rahmat buat sekalian alam".

Penerimaan dan pemelukan seseorang terhadap Islam antara lain ditentukan oleh faktor peranan dan pendekatan dakwah yang berkesan oleh penganut Islam. Pemelukan seseorang terhadap agama Islam dari agama sebelumnya adalah dikenali sebagai mualaf. Mualaf atau saudara Muslim adalah insan yang dipilih Allah SWT yang dijinakkan hati untuk menerima Islam. Golongan ini perlu diberi perhatian dan bimbingan yang khusus dalam membentuk keperibadian untuk menuju kebenaran Islam di samping mendalami ilmu Islam. Dengan kata lain, mereka diberi pendidikan dan disediakan pelbagai program yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah yang terlibat bagi membentuk kefahaman Islam dalam diri mereka (Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin, 2019).

Sehubungan itu, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang bertanggungjawab sebagai organisasi dakwah dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut memainkan peranan yang penting dalam aspek mengurus tadbir hal ehwal dan keperluan saudara Muslim termasuk memberi pendidikan Islam dan bimbingan kerohanian kepada saudara Muslim melalui program-program dakwah yang dianjurkan.

Artikel ini ingin membincangkan peranan dan sumbangan KAGAT terhadap dakwah saudara Muslim dari sudut strategi dan pendekatan bagi mencapai matlamat membina kesempurnaan hidup mereka sebagai seorang muslim. Kajian ini penting dilakukan di antaranya sebagai perbandingan dan pemetaan strategi dakwah yang diterapkan dalam organisasi Islam. Di samping mengenal pasti kandungan program dakwah KAGAT ke arah melahirkan anggota tentera dalam kalangan saudara Muslim yang beriman dan beramal soleh.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian analisis dokumen seperti buku, artikel jurnal dan prosiding berkaitan isu kajian. Metode sebegini amat membantu pengkaji untuk memahami dan mengenal pasti isu dan konteks kajian secara mendalam berdasarkan kepada sumber maklumat sekunder (Ahmad Munawar & Nor Shahizan, 2020). Analisis dokumen adalah penting untuk mendapatkan tahap kajian sesuatu penyelidikan yang lebih baik dan benar. Menurut Mohd Syuhaimi (2017), analisis dokumen dapat membantu memperolehi data secara terus tanpa memerlukan merujuk kepada individu atau pegawai yang terbabit. Dari aspek kesahihan dan pembuktian juga tidak dapat diragui kerana ia dapat dipastikan sumbernya dan bersifat konsisten.

Data ini juga seringkali digunakan untuk mengemukakan, menguatkan dan menyokong maklumat serta boleh membuat perbandingan antara data lama dengan data maklumat yang baru. Justeru itu, kaedah ini akan dilaksanakan di sepanjang kajian bertujuan untuk mendapatkan data-data sekunder bagi membantu penulis membuat ulasan yang komprehensif tentang peranan KAGAT dalam dakwah saudara Muslim di dalam ATM dengan menggunakan pendekatan tertentu dalam bimbingan dan pengajaran agama Islam.

KONSEP ASAS DAKWAH UNTUK SAUDARA MUSLIM

Ilmu dakwah sangat luas dan perlu dikuasai oleh pendakwah-pendakwah dalam melaksanakan kerja dakwah ini. Ia merupakan perkara yang sangat besar serta dituntut oleh Islam. Melaksanakan dakwah dengan sistematik, tersusun dengan konsep, metode serta pendekatan yang sesuai mampu memberi kesan yang efektif kepada saudara Muslim, seterusnya mampu melahirkan ikon saudara Muslim yang mampu menarik lebih ramai bukan Islam lunak dengan agama Islam.

Definisi Dakwah

Menurut Fuad Ifram al-Bustani (1956) perkataan dakwah diambil daripada perkataan bahasa Arab دعا يدعو دعوة yang bererti seruan atau ajakan. Dakwah dari segi istilah menurut Zaki Masi'al (1985) ialah menggalakkan manusia melakukan kebaikan, hidayah dan *amar ma'ruf nahi munkar* agar mereka dapat kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Ia juga adalah suatu misi untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan atau kejahatan yang berlaku dan memberi peringatan kepada mereka tentang perkara-perkara buruk yang ditakuti mereka akan terjebak ke dalamnya. Manakala menurut pandangan Abdul Aziz Mohd Zin (2001) pula, dakwah ialah

usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah SWT.

Yusuf al-Qardawi (1978) mentakrifkan dakwah sebagai satu usaha membawa masyarakat kepada Islam, melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba, taat kepada Allah SWT semata mata, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Menurut al-Ghazali Darussalam (1996) menjelaskan matlamat utama penyebaran dakwah ialah mengajak manusia supaya bertakwa dan menjauhkan diri dari kemaksiatan, meninggikan syiar Islam dan menghapuskan kesyirikan dan membimbing golongan jahil memberi peringatan dan dakwah sebagai amanah.

Daripada definisi dakwah di atas disimpulkan bahawa dakwah ialah segala bentuk usaha yang dilakukan oleh pendakwah untuk mengajak manusia menerima, mengamal dan menghayati dengan penuh keimanan dan ketaatan kepada Allah SWT, bagi kehidupan seharian manusia untuk mencapai kebahagiaan serta kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Ia merupakan satu bentuk penyusunan program yang disesuaikan dengan keperluan golongan saudara Muslim berpandukan kepada penekanan *amar makruf* dan *nahi munkar* secara berperingkat peringkat tanpa sebarang paksaan. Oleh itu, dakwah kepada golongan saudara Muslim adalah untuk memantapkan kefahaman dan amalan agama supaya mereka dapat mempraktikkannya dengan betul dan sesuai selaras tuntutan agama Islam.

Definisi Saudara Muslim

Perkataan Saudara Muslim atau lebih dikenali sebagai mu'alaf terdapat pelbagai takrifan dan pengertian dikemukakan dalam kamus-kamus, ulama semasa dan sebagainya. Penggunaan istilah mu'alaf telah menjadi norma dalam kalangan masyarakat dan sering diguna pakai bagi mendefinisikan mereka yang baru memeluk agama Islam berbanding dengan istilah lain seperti saudara baru dan saudara muslim (Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid & Omar, 2017). Namun begitu, terdapat juga golongan yang baru memeluk agama Islam lebih selesa dipanggil saudara Muslim kerana merasakan panggilan tersebut lebih mesra dipanggil dan tidak menunjukkan jarak yang terlalu jauh di antara saudara seagama yang lain (Irwan Mohd Subri et al., 2015).

Termologi perkataan mu'alaf berasaskan al-Quran dan disebut sekali di dalam surah al-Taubah ayat 60: Firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu'alaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana".

Ibnu Manzur dalam *Lisan al- 'Arabiyy* telah mentafsirkan mu'alaf sebagai satu perkataan yang berasal dari kata dasar *allafa* yang membawa maksud pelbagai (Ibnu Manzur, 1996). Manakala di dalam kitab Mukhtar as-Sihah menyebut mu'alaf dengan makna *mukammalah* iaitu penyempurnaan dan *taallifuhu* membawa makna hati-hati mereka dijinakkan kepada Islam (Al-Rozi, 1995). Jika kita melihat kepada pentafsiran ulama semasa seperti Wahbah al-Zuhaili

(2007), beliau menyebut bahawa mualaf merupakan satu puak yang telah memeluk Islam serta masih lemah pengislaman mereka, maka hati mereka perlu dijinak-jinakkan. Pentafsiran ini selari dengan pandangan Sa'id Hawwa (2003) beliau membahagikan makna mualaf kepada tiga golongan iaitu mereka yang dijinakkan hati agar memeluk Islam, menguatkan iman yang masih lemah dan menolak kejahatan orang kafir terhadap Islam. Dapat dirumuskan bahawa mualaf merupakan golongan yang dijinakkan hati mereka terhadap Islam serta memperkukuhkan hati-hati mereka dengan bantuan pembiayaan zakat, bimbingan, tunjuk ajar, pergaulan yang baik dengan mereka agar mereka lebih terarah dalam meneruskan kehidupan sebagai seorang muslim.

Kesimpulannya, mualaf atau disebut juga sebagai saudara baru atau saudara Muslim merupakan mereka yang telah bertukar pegangan agama dan kepercayaan kepada agama Islam. Mereka yang telah dijinakkan hatinya dengan Islam ini sangat memerlukan perhatian, bimbingan dan dorongan yang sewajarnya dalam memahamkan mereka berkenaan agama, terutama hal-hal akidah dan ibadat asas seperti konsep bersuci, mandi, solat, puasa dan sebagainya.

Asas Pendekatan Dakwah Dalam Al-Quran

Al-Quran telah menjelaskan berkaitan panduan bagi aplikasi pendekatan dakwah supaya mesej dakwah yang ingin disampaikan kepada masyarakat mudah diterima oleh sasaran dakwahnya. Dalam surah al-Nahl ayat 125 menjelaskan beberapa pendekatan dakwah yang harus diguna pakai oleh pendakwah dan merupakan asas kepada metode dakwah terhadap golongan saudara Muslim. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl (16) ayat 125 bermaksud "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk".

Ayat al-Quran di atas menggariskan tiga pendekatan dakwah kepada semua golongan manusia termasuklah golongan saudara Muslim iaitu *al-Hikmah* (bijaksana), *al-Maw'izah al-Hasanah* (nasihat yang baik) dan *al-Mujaadalah bi al-Lati hiya Ahsan* (pendebatan dengan cara yang lebih baik).

Menurut Abdul Munir Ismail (2014) bahawa *al-Hikmah* bermaksud bijaksana dalam menyampaikan dakwah Islamiah kepada sasaran iaitu dengan berlemah lembut, sopan santun, berbudi bahasa, menggunakan bahasa yang mudah difahami sehingga boleh menimbulkan keyakinan sasaran kepada Islam. *Al-Maw'izah al-Hasanah* menurut pandangan Sayyid Qutb (1985) ialah pengajaran yang meresap hati secara halus sehingga menembusi perasaan-perasaan manusia dengan lemah lembut. Nasihat yang baik adalah cara penyampaian dakwah dengan lemah lembut, berbudi Bahasa, berhemah tinggi, bijak menyusun kata-kata sehingga mampu meresap ke dalam hati (Abdul Munir Ismail, 2014). Menurut Abdul Karim Zaidan (1999) menyatakan bahawa *al-Mujaadalah* dalam konteks dakwah memerlukan kepada penggunaan kata-kata yang baik dan mengelakkan kata-kata yang negatif dan kasar. Manakala *al-Mujaadalah* ialah perdebatan sama ada dari segi lisan mahupun tulisan yang berlaku di antara

dua pihak atau lebih dan masing-masing mencari helah untuk mempertahankan ideologi di samping berusaha menolak pendapat pihak lawan (Ahmad Effat Mokhtar, 2018). Oleh itu, seseorang pendakwah harus menggunakan cara yang baik, kata-kata beradab sopan, selalu merendahkan diri apabila berbicara, sentiasa tenang serta tidak meninggikan suara secara melulu. Selain itu, pendakwah juga perlu mengawal perasaan marah, tidak mengeluarkan perkataan menghina atau kata-kata yang dapat melukakan perasaan dan apabila berbicara hendaklah menggunakan perkataan lemah lembut dan penuh kasih sayang namun tetap dengan pendiriannya iaitu menyatakan kebenaran dan meyakinkan orang kepada kebenaran.

TRANSFORMASI KAGAT DI DALAM ATM

Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) merupakan Kor yang ke 16 dalam Tentera Darat Malaysia dan tugas utamanya adalah memberi pendidikan Islam dan perkhidmatan keagamaan merangkumi kesemua cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Semenjak penubuhannya pada 16 April 1985 yang kini telah menjangkau usia 36 tahun, KAGAT telah memainkan peranan besar dalam memberi pendidikan Islam dan perkhidmatan keagamaan kepada seluruh warga ATM.

Seharusnya pada masa ini, KAGAT telah matang dalam pemikiran dan tindakan, sentiasa sedar akan cabaran-cabaran baru yang perlu dihadapi. Khususnya dalam konteks memperkasakan kesiapsiagaan kerohanian seluruh warga ATM dan pengukuhan jati diri warga KAGAT itu sendiri. KAGAT perlu memainkan peranan yang lebih efektif dalam membantu ATM menghadapi cabaran semasa yang semakin kompleks. Ternyata spektrum peranan dan bidang tugas KAGAT kini perlu berubah dan berkembang, tidak boleh berada di takuk lama. KAGAT perlu sentiasa menunjukkan kebersamaannya seiring arus perdana ATM dalam apa jua situasi dan keadaan. Usaha mempertingkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan kerohanian ATM hendaklah menjadi agenda utama KAGAT. KAGAT perlu lebih responsif, berpandangan futuristik, mendepani masa dan mampu melakukan perubahan serta inovasi dengan pantas untuk kekal relevan kepada ATM dan negara (Nawawi Daud, 2020).

Visi dan Misi KAGAT

Visi KAGAT adalah meningkatkan tahap kesiagaan kerohanian ATM melalui Pendidikan Islam dan Perkhidmatan Keagamaan. Manakala misi KAGAT adalah menjadi penjana kecemerlangan pembangunan kerohanian modal insan ATM yang unggul.

Nilai Teras KAGAT

Seluruh warga KAGAT hendaklah memegang teguh lima (5) nilai teras KAGAT. Pertama faham iaitu mempunyai kefahaman yang jelas mengenai ilmu-ilmu Islam. Kedua amal iaitu beramal dengan syariat Islam yang tulen. Ketiga akhlak iaitu berakhlak dalam tindakan. Keempat jihad iaitu penuh komitmen dan sanggup berkorban demi perjuangan. Manakala kelima adalah integriti iaitu membudayakan ketelusan dalam kerjaya dan kehidupan (Perintah Ulung Ketua Pengarah KAGAT, 2020).

Teras Strategik KAGAT

Dua (2) teras strategik telah digariskan bagi menjayakan peranan dan tugas pengoperasian KAGAT (Perintah Ulung Ketua Pengarah KAGAT, 2020) iaitu:

- a. Teras Pertama: Pemantapan Kerohanian. Strategi dakwah KAGAT dalam proses pembentukan suatu angkatan yang kredibel hendaklah meliputi tiga (3) elemen penting iaitu fizikal, mental dan spiritual (kerohanian) seiring dengan perintah Allah SWT dalam al-Quran, Surah Al-Anfal ayat ke 60. Ianya bertepatan dan bersesuaian dengan *Core Business* KAGAT selaku penjana elemen kerohanian ATM. Oleh itu, teras utama yang perlu diberikan perhatian ialah pembentukan kerohanian yang mantap selari dengan misi utama KAGAT sebagai penjana kecemerlangan pembangunan kerohanian modal insan ATM yang unggul.
- b. Teras Kedua: Keutuhan Organisasi. Keutuhan Organisasi yang memfokuskan kepada pemantapan warga KAGAT iaitu *Daie Askari - Daie Murabbi* dan juga terhadap keutuhan organisasi KAGAT itu sendiri. Dalam mendepani cabaran, KAGAT perlu memperkasakan organisasi, keanggotaan, jati diri warganya, keupayaan mengurus, menyemai nilai amanah, jujur dan ikhlas serta lebih berintegriti selari dengan peranan KAGAT sebagai *Daie Askari Daie Rabbani*.

PERANAN DAN PENDEKATAN DAKWAH KAGAT TERHADAP SAUDARA MUSLIM

Peranan KAGAT

Peranan utama KAGAT adalah untuk memberi pendidikan dan perkhidmatan agama Islam kepada seluruh warga ATM yang meliputi anggota tentera, keluarga dan anak-anak mereka. Di samping turut berperanan kepada anggota yang bukan beragama Islam dalam menaikkan semangat juang mereka untuk berkorban mempertahankan negara dari sebarang ancaman. Kerja-kerja dakwah yang dilakukan oleh KAGAT kepada anggota ATM yang beragama Islam dan contoh yang baik kepada anggota yang bukan beragama Islam yang sentiasa berterusan sehingga ramai dari kalangan mereka berminat untuk menganut agama Islam. Modul Panduan Pendidikan Moral dan Etika ATM (2008) turut memainkan peranannya dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada anggota ATM yang bukan beragama Islam sebagai langkah pemantapan spiritual anggota dan menanam pembentukan sahsiah yang teguh terhadap nilai agama, akhlak dan juga moral.

Kekuatan saudara Muslim di dalam ATM berakhir tahun 2020 adalah seramai 546 orang merangkumi ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM di mana saudara Muslim dari Tentera Darat Malaysia (TD) adalah seramai 418 Pegawai dan Anggota Lain-lain Pangkat, saudara Muslim dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) adalah seramai 60 Pegawai dan Anggota Lain-lain Pangkat dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) seramai 51 Pegawai dan Anggota Lain-lain Pangkat. Manakala saudara Muslim di Markas ATM adalah seramai 17 Pegawai dan Anggota Lain-lain Pangkat (KAGAT, 2020).

Sehubungan itu, bagi memudahkan pengurusan saudara Muslim dalam ATM, Jabatan Arah KAGAT telah mengeluarkan Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Saudara Muslim Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT, 2014). Peraturan ini menjadi panduan kepada pegawai dan anggota KAGAT dan juga pentadbir pasukan-pasukan ATM untuk menguruskan saudara Muslim. Antara perkara yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- a. Memaklumkan tentang permohonan bertulis untuk memeluk Islam. Pegawai Agama Pasukan hendaklah memaklumkan kepada anggota ATM yang bukan beragama Islam yang ingin memeluk Islam supaya membuat permohonan bertulis kepada Pegawai Memerintah atau Pemerintah Pasukan dengan mengisi borang BAT/U/5 dan BAT/D/198 yang merupakan Borang Permohonan dan Perakuan Memeluk Agama Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Arah KAGAT.
- b. Kelulusan Pegawai Agama Pasukan. Pegawai Agama Pasukan hendaklah memastikan permohonan untuk memeluk agama Islam dilakukan oleh anggota dengan kerelaan hati dan memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam borang BAT/U/5 dan BAT/D/198.
- c. Mengadakan Majlis Pengislaman. Majlis pengislaman akan diadakan setelah proses pendaftaran dan dokumentasi selesai dilaksanakan oleh pegawai agama pasukan dan pejabat tadbir pasukan. Majlis ini akan disaksikan oleh Pegawai Memerintah/Pemerintah pasukan.
- d. Mendaftarkan anggota yang baru memeluk Islam dengan pejabat Agama Islam Negeri, Pejabat Pendaftaran Negara untuk menukar status agama, Pejabat Tadbir Pasukan di mana saudara baru bertugas bagi proses publikasi untuk dimajukan ke Jabatan Rekod dan pencen ATM serta yang terakhir ke Bahagian Perisikan Pertahanan bagi proses permohonan MY Tentera yang baru.
- e. Peranan KAGAT tidak terhenti kepada proses pengislaman anggota sahaja tetapi meliputi soal menguruskan hak-hak mereka sebagai saudara baru yang disebut dalam ATM Saudara Muslim (KAGAT, 2014). Antara perkara yang perlu diuruskan oleh pegawai dan anggota KAGAT bila mana seseorang anggota memeluk Islam adalah seperti berikut:
- f. Memaklumkan hak kekeluargaan, di mana saudara Muslim boleh meneruskan hubungan kekeluargaan dengan keluarganya yang tidak memeluk Islam seperti biasa dengan menjaga batas-batas pergaulan supaya tidak melanggar syarat yang telah ditetapkan oleh Agama Islam.
- g. Memaklumkan hak berhubung pembubaran atau meneruskan perkahwinan jika pasangan tidak memeluk Islam.
- h. Memaklumkan hak berhubung dengan penjagaan anak sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pejabat Agama Islam Negeri-Negeri.
- i. Memaklumkan tentang hak dari segi pembahagian harta pusaka, harta sepencarian, saham, hutang, pengurusan jenazah dan juga sebagainya.

Kesimpulannya, KAGAT sentiasa mengutamakan hal ehwal saudara Muslim di dalam ATM khususnya dalam usaha memastikan keharmonian hidup dan kebajikan golongan ini sentiasa terpelihara selepas memeluk agama Islam. Malah KAGAT berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berterusan kepada saudara Muslim serta medium yang

berkesan ke arah mengukuhkan tali persaudaraan Islam di samping memupuk semangat jati diri yang kental di kalangan saudara Muslim dalam menghadapi segenap cabaran yang mendatang.

Pendekatan Dakwah KAGAT untuk Saudara Muslim

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2004), dakwah memerlukan pendekatan atau metodologi sesuai untuk menjadikannya lebih berkesan dalam merealisasikan mesej dakwah kepada sasaran. Keberkesanan dakwah amat bergantung kepada metode yang bersesuaian dengan golongan saudara Muslim. Dalam usaha menyampaikan dakwah kepada saudara Muslim, pihak KAGAT menggunakan beberapa metode atau pendekatan untuk mencapai matlamat dan tujuan dakwah. Metod dakwah KAGAT terhadap saudara Muslim di ATM dapat dikenal pasti melalui beberapa pendekatan yang digunakan seperti berikut:

1. Dakwah *Bi al-Lisan*

Dakwah *bi al-Lisan* merupakan satu seruan atau ajakan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan ucapan dan kata-kata. Manusia diberikan anugerah sebagai makhluk yang boleh berkata-kata untuk menyampaikan sesuatu hajat atau bertanyakan perkara-perkara yang boleh merunsingkan fikirannya, menyampaikan dakwah Islamiah juga tidak terkecuali dalam perkara itu. Bahasa dakwah penting untuk diketahui oleh setiap pendakwah supaya mesej dakwah yang disampaikan mudah difahami dengan baik. Bahasa juga memainkan peranan penting kerana ia boleh mempengaruhi perasaan dan pemikiran *mad'u* ke arah melakukan kebaikan, mencegah daripada melakukan kemungkaran serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pemilihan bahasa yang menarik dan bersesuaian dengan golongan saudara Muslim dapat menarik minat seseorang *mad'u* terhadap ayat yang disampaikan. Mereka akan berasa lebih selesa dan terbuka untuk berkongsi pandangan dan pendapat (Mariam Abd.Majid, Marlon Pontino Guleng, 2014).

Mengikut Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Saudara Muslim Angkatan Tentera Malaysia (2014) proses pendidikan yang berterusan kepada saudara muslim dengan menyediakan kursus keagamaan bagi mengukuhkan pegangan akidah Islam mereka sentiasa dilaksanakan. Kursus dan program keagamaan ini sama ada dilakukan di pasukan dan juga melalui program-program yang dilaksanakan oleh pusat-pusat latihan seperti Institut latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Institut Latihan Dakwah (ILDAS) dan lain-lain institut seperti Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (PUSBA). Selain itu, terdapat pelbagai program dakwah dan pembangunan pendidikan terhadap golongan saudara Muslim di ATM telah disusun oleh Sel Agama Markas-Markas Perkhidmatan dan Jabatan Arah KAGAT. Antara kursus dan program keagamaan yang dirangka untuk saudara muslim dalam ATM melalui metod dakwah *bi al-Lisan* adalah seperti berikut:

i. Kelas-kelas Pengajian (Bimbingan dan Fardu Ain)

Program pendidikan golongan saudara Muslim adalah satu usaha penting dilaksanakan bertujuan membantu mereka meningkatkan tahap kefahaman mengenai agama Islam seterusnya

berupaya mempraktikkan cara hidup Islam dalam kehidupan. Kelas pengajian berteraskan al-Quran dan al-Sunnah adalah antara platform untuk menyalurkan ilmu pengetahuan berkaitan ajaran Islam. Kelas-kelas pengajian fardu ain ini diwujudkan untuk memberi pendedahan kepada saudara Muslim tentang konsep akidah Islamiah yang sebenar. Selain itu memberi kefahaman kepada peserta berkenaan pelaksanaan ibadah harian seperti solat, puasa dan amalan sunat yang lain. Kelas ini dilaksanakan sebanyak sekali dalam seminggu iaitu pada hari Jumaat manakala fokus pengajiannya adalah tilawah al-Quran menggunakan buku muqaddam atau buku Iqra' dan al-Quran serta asas fardu ain berpandukan Sukatan Pelajaran Saudara Kita yang telah disediakan. Kelas-kelas pengajian fardu ain ini dikendalikan oleh pegawai dan staf KAGAT di pasukan. Kelas-kelas bimbingan ini juga diberikan oleh KAGAT di pasukan kepada anggota yang baru memeluk Islam selama lima (5) hari bagi memastikan mereka mengenali dan memahami ajaran Islam seterusnya berupaya mengubah cara hidup sebelum Islam kepada kehidupan sebagai seorang Muslim sebenar (KAGAT, 4 SSB (Mekanize), 2020).

ii. Kursus Asas Saudara Muslim

Kursus ini direncanakan kepada saudara muslim yang baru memeluk Islam di mana objektifnya supaya saudara muslim dapat mengenali agama Islam secara asas dan menghayati setiap rukun Islam. Seorang saudara Muslim yang telah mengisytiharkan keislamannya dikehendaki mengikuti kursus ini yang dikendalikan oleh KAGAT di pasukan. Kursus ini dilaksanakan selama dua dan tiga hari. Rasional pelaksanaan kursus ini bertujuan memberi bimbingan awal kepada golongan saudara Muslim yang baru mengenali dan memeluk Islam. Di samping itu, kursus ini penting bagi menjalinkan hubungan perkenalan awal di antara saudara Muslim dengan para pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal ehwal mereka. Kursus ini akan mendedahkan maklumat berkaitan aspek akidah dan ibadah secara teori dan praktikal antaranya tentang konsep syahadah, rukun Iman, panduan asas pelaksanaan sembahyang, wuduk, tayamum, mandi hadas dan samak (KAGAT, 1 KAD 2020).

iii. Kursus Penghayatan Saudara Muslim

Kursus Penghayatan Saudara Muslim merupakan kesinambungan kursus asas yang diikuti oleh saudara Muslim. Kursus penghayatan Islam direncanakan kepada saudara muslim yang memeluk antara satu hingga dua tahun, di mana objektifnya supaya saudara muslim dapat menghayati kesyumulan agama Islam dan memahami intipati syariat Islam. Kursus ini dilaksanakan selama tiga hari sebanyak sekali dalam setahun. Rasional pelaksanaan kursus ini bertujuan memberi maklumat tambahan yang lebih terperinci berbanding kursus intensif asas yang telah diikuti. Kursus ini akan memberi penjelasan berkaitan konsep ibadah, munakahat, puasa dalam Islam, asas halal dan haram dalam Islam serta bacaan dalam solat (KAGAT, 3 Brigid 2020).

iv. Kursus Pemantapan Akidah Saudara Muslim

Kursus ini dilaksanakan untuk menambah ilmu pengetahuan saudara Muslim dalam melaksanakan amal ibadah harian dan memantapkan lagi akidah mereka agar dapat menjalani

kehidupan sebagai seorang muslim yang sempurna dan teratur. Seterusnya berupaya menjadi insan yang bertakwa kepada Allah SWT. Kursus ini dijalankan selama lima (5) hari bekerja dengan pelbagai pengisian ilmu dan pengalaman telah dikongsikan bersama peserta. Antara pengisian ilmu yang telah dibuat adalah berkaitan rukun Iman, rukun Islam, Ihsan, sirah dan mempelajari asas bacaan al-Quran (KAGAT, 5 Briged, 2021).

v. Konvensyen Saudara Muslim

Program ini dianjurkan oleh KAGAT bertujuan untuk memastikan saudara Muslim di dalam ATM sentiasa mengalami proses pembelajaran dan pembentukan jati diri sebagai seorang muslim yang sejati di samping meningkatkan kefahaman dan penghayatan akidah dalam kehidupan seharian mereka. Usaha ini juga dibuat agar saudara Muslim sentiasa bermotivasi dengan kehidupan beragama yang baru dengan saling bertukar fikiran dan pengalaman bersama rakan muallaf dan fasilitator yang dijemput daripada kalangan saudara Muslim juga untuk mengendalikan pengisian ilmu di sepanjang konvensyen. Konvensyen tahunan ini dilaksanakan selama tiga hari yang mengupas pelbagai isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh golongan saudara Muslim selepas memeluk Islam di samping diadakan qiamullail dan zikir munajat di sebelah malam (KAGAT, Jabatan Arah KAGAT, 2019).

vi. Modul Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) ATM

KAGAT telah membangun Modul PIFA ATM untuk memberi pendidikan agama Islam untuk seluruh warga ATM yang beragama Islam. Modul ini telah pun dijadikan satu perintah wajib yang mesti diikuti oleh semua anggota. Perintah untuk mempelajari dan lulus ujian PIFA telah pun dikeluarkan pekelingnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan dijadikan Perintah Majlis Angkatan Tentera pada tahun 2013 (PMAT 1:13). Pendidikan dan ujian PIFA ini telah dijadikan syarat bagi kenaikan pangkat bagi semua anggota ATM yang beragama Islam, manakala bagi anggota yang bukan beragama Islam perlu lulus Kursus Pendidikan Moral dan Etika ATM. Kewajipan untuk lulus ujian PIFA dan menjadi syarat bagi kenaikan pangkat akan menjadi satu dorongan kepada anggota saudara Muslim untuk berusaha dan cuba memahami agama Islam dengan lebih mendalam.

vii. Pengajian Al-Quran

Program pengajian al-Quran untuk saudara Muslim telah diperkenalkan oleh Jabatan Arah KAGAT bagi membantu saudara baru yang memeluk Islam dapat membaca dan seterusnya memahaminya dengan baik. Tanggungjawab ini dilaksanakan bagi menjamin saudara baru terus kekal dan mendalami agama Islam dengan lebih sempurna lagi. Sehubungan dengan itu satu kaedah iaitu Kaedah Cepat Baca al-Quran (CBQ) dilaksanakan yang mana wawasan murninya untuk melahirkan warga ATM sama ada yang sedia beragama Islam ataupun golongan muallaf dapat membaca dan memahami al-Quran (Buletin Tentera Darat 2007).

Kaedah Cepat Baca al-Quran ini merupakan satu program pendekatan baru secara mudah, cepat, efektif dan sistematik. Kaedah CBQ ini menggunakan pendekatan tradisi pengajian al-Quran yang dikenali sebagai *talaqqi* dan *musyafahah* (pertemuan guru dan murid

secara langsung). Pendekatan ini seterusnya digarap sebagai konsep *Riyadhah al-Nutq* (latih tubi sebutan). Di mana objektifnya untuk membasmi gejala buta al-Quran dalam ATM sama ada dari golongan saudara Muslim dan mereka yang tidak mampu membaca al-Quran. Objektif keduanya adalah untuk memantapkan sahsiah dan keyakinan diri dengan kebolehan membaca al-Quran serta membudayakan sikap rajin membaca dan menghayati pengajaran al-Quran dalam kehidupan (KAGAT, 2009).

viii. Kaunseling dan Khidmat Nasihat

Dalam proses untuk menyesuaikan diri dengan budaya dan agama baru, saudara Muslim sudah pasti mengalami pelbagai tekanan sehingga mengganggu emosi dan psikologi mereka. Oleh itu, sokongan sosial dari pendakwah dan kaunselor Muslim amat penting. Salah satu cara untuk merawat emosi yang terganggu ialah melalui kaunseling Islam yang menerapkan nilai-nilai dakwah ketika proses kaunseling dijalankan. Kaunseling yang diberikan akan merujuk kepada penyelesaian mengikut panduan dan hukum yang telah ditetapkan dalam Islam. Pendakwah akan membantu menggunakan pelbagai cara dan kaedah untuk membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh saudara baru sehinggalah masalah tersebut dapat diselesaikan. Kata-kata dan nasihat yang berunsurkan dakwah dapat menenangkan hati dan perasaan yang dihadapi oleh saudara baru. Antara jenis kaunseling yang diberikan kepada saudara Muslim ialah seperti kaunseling mengenai cara hidup Islam, perkahwinan, masalah-masalah berkaitan keluarga dan sebagainya. (Sel Agama MK TD, 2020)

2. Dakwah *Bi al-Hal*

Dakwah *bi al-Hal* merujuk kepada ungkapan “bicara realiti keadaan, lebih berkesan daripada bicara yang diucapkan” iaitu pendakwah perlu menunjukkan contoh teladan yang baik daripada bercakap yang boleh menyinggung perasaan sasaran dakwah. Pada hakikatnya dakwah *bi al-Hal* adalah peraksanaan dakwah *bi al-Qudwah* (keteladanan) dan dakwah *bil al-‘amal* (perbuatan). Dengan kata lain, dakwah *bi al-Hal* adalah dakwah melalui penampilan kualiti peribadi dan aktiviti-aktiviti secara langsung menyentuh keperluan masyarakat. Ini bererti pendakwah itu sendiri melaksanakan apa yang diucapkan olehnya dan tidak sekadar tukang cakap dan tukang tunjuk sahaja (Ahmad Effat Mokhtar, 2018).

Terdapat beberapa bentuk pendekatan dakwah *bi al-Hal* yang dipraktikkan oleh KAGAT untuk saudara Muslim di ATM, antaranya seperti berikut:

i. Program Mentor Mentee

Program Mentor Mentee Saudara Muslim (PMMSB) ini merupakan satu proses interaksi antara staf KAGAT Pasukan sebagai Mentor dan anggota saudara Muslim sebagai Mentee ini melibatkan tindakan seperti mendidik, membimbing dan memberi nasihat dalam hal ehwal keagamaan Islam. Mentor bukan sahaja mengambil berat ke atas mentee dalam aspek pendidikan Islam tetapi juga berkaitan ibadah, muamalat dan cara hidup Islam. Program ini hendaklah dilaksanakan di semua pasukan yang terlibat di mana KAGAT perlu melaksanakan program seperti Kursus Tasawwur Islam Saudara Baru, kelas bimbingan fardu ain, kelas al-

Quran, program motivasi dan kelas interaksi antara mentor dan mentee. Staf KAGAT juga boleh mewujudkan kumpulan *whatsapp* untuk berinteraksi dengan saudara Muslim di pasukan sama ada untuk bertanya khabar dan memberi maklumat dari masa ke semasa. Pasukan juga boleh bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri untuk menganjurkan program atau menghantar peserta dari kalangan saudara Muslim di pasukan untuk menyertai pelbagai program yang telah disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (KAGAT, 4 Briged (Mekanize) 2019).

ii. Program Ziarah dan Aktiviti Sosial

Aktiviti ziarah merupakan aktiviti yang sangat dituntut dalam Islam. Islam amat menggalakkan umatnya saling menziarahi antara satu sama lain kerana ia adalah medium menghubungkan dan merapatkan lagi ikatan persaudaraan sesama Islam sebagai salah satu usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan ikatan silaturahim sesama insan. Aktiviti ziarah-menziarahi bukan hanya untuk merapatkan hati antara manusia malah ia adalah jalan untuk mendapat kasih sayang dan rahmat daripada Allah SWT. Pendakwah KAGAT bukan sahaja turun menziarahi golongan saudara Muslim namun di samping itu mereka turut menyampaikan dakwah mereka kepada golongan ini. Di samping amalan menziarahi, mereka juga diberikan kata-kata nasihat dan semangat untuk meneruskan hidup sebagai seorang muslim.

Sebahagian besar aktiviti dan program ini dilaksanakan di peringkat pasukan oleh Pejabat Agama di peringkat formasi dan beberapa aktiviti dan program utama dianjurkan di peringkat Jabatan Arah KAGAT dan Kementerian Pertahanan. Terdapat dua fokus aktiviti dan program golongan saudara Muslim iaitu pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Program-program seperti ini dilaksanakan secara mingguan, bulanan, tahunan dan bersempena peristiwa atau hari-hari kebesaran Islam tertentu. Antara contoh program-program tersebut ialah, program ziarah saudara Muslim, Program Jati Diri Saudara Muslim, Majlis Tilawah al-Quran Saudara Muslim dan Kursus Pengurusan Jenazah (Dokumen KAGAT di Formasi). Berdasarkan program-program yang dianjurkan oleh KAGAT dan ATM, jelaslah bahawa keseluruhan aktiviti pembangunan pendidikan saudara Muslim telah digabungkan secara seimbang antara pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

iii. Pemberian Bantuan Tabung Zakat ATM

Tabung Zakat Angkatan Tentera Malaysia (TZ ATM) telah menyediakan beberapa peruntukan bantuan kebajikan terhadap saudara Muslim sebagai tanda galakan dan dorongan untuk meningkatkan ketaatan dan komitmen golongan ini kepada agama Islam. Bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan ini turut merupakan satu usaha sokongan bagi melembutkan hati mereka untuk terus menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Zakat ATM, Jabatan Arah KAGAT, 2020). Antara bantuan-bantuan kebajikan yang diberikan bagi keperluan golongan saudara Muslim ialah:

a. Saguhati Pengislaman

Saguhati pengislaman diberikan kepada saudara Muslim setelah selesai satu-satu majlis pengislaman. Di peringkat ATM, saguhati yang diberikan adalah sebanyak RM 2000.00 dalam bentuk wang tunai dan barangan keperluan harian seperti pakaian solat berserta buku-buku panduan fardu ain yang sesuai untuk saudara Muslim di peringkat awal pengislaman, sebanyak tambahan RM 1000.00 juga diberikan kepada saudara Muslim yang memeluk Islam dari tempoh 1 hingga 3 tahun untuk membiayai kos menghadiri pengajian asas agama Islam di Institusi Dakwah terpilih seperti Institut Dakwah Islam PERKIM (IDIP) dan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (PUSBA) yang berbentuk *one-off* (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Zakat ATM, Jabatan Arah KAGAT, 2020).

b. Program *Musa'adah*

Program *Musa'adah* Tentera Darat diberikan kepada anggota TD termasuk anggota di kalangan saudara Muslim bagi menghargai pengorbanan dan memastikan kebajikan anggota TD sentiasa dijaga dan diambil perhatian oleh kepimpinan. Bantuan disalurkan dalam bentuk wang tunai dan barangan keperluan harian untuk meringankan beban tanggungan anggota dan keluarga (KAGAT, MK TD 2021). KAGAT juga bekerjasama dengan agensi agama kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam menyalurkan bantuan kepada golongan saudara Muslim umpama program bantuan makanan (*food bank*) yang disediakan JAWI kepada anggota ATM.

c. Bantuan Perubatan

Bantuan perubatan ini disediakan bagi golongan saudara Muslim dan keluarga untuk menampung kos perubatan yang mendapatkan rawatan di hospital dan klinik tertakluk kepada beberapa syarat khusus yang ditentukan dalam Garis Panduan Tabung Zakat ATM. Jumlah bantuan perubatan yang diberikan adalah bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa TZ ATM selepas dibuat siasatan dan penilaian oleh Jawatankuasa TZ ATM (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Zakat ATM, Jabatan Arah KAGAT, 2020).

d. Saguhati Ramadhan dan Hari Raya

Bantuan saguhati Ramadhan dan Hari Raya diberikan kepada golongan saudara Muslim untuk mencetuskan rasa kegembiraan sewaktu menjelang sambutan hari raya. Bentuk saguhati yang diberikan adalah berupa wang tunai dan barangan keperluan dapur bagi anggota saudara Muslim yang berada dalam senarai golongan asnaf zakat (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Zakat ATM, Jabatan Arah KAGAT 2020). Sempena bulan Ramadhan dan menyambut Aidil Fitri, golongan saudara Muslim diberikan sumbangan bagi menampung keperluan mereka untuk menyambut kedatangan Hari Raya Aidil Fitri. Penyerahan sumbangan diadakan di peringkat Kementerian Pertahanan dan Formasi-formasi.

e. Bantuan Kecemasan

Bantuan kecemasan adalah bantuan sementara yang diberikan mengikut prosedur permohonan yang telah dikemukakan. Bantuan akan diluluskan mengikut penilaian Jawatankuasa Tabung Zakat ATM berdasarkan sebab-sebab memohon, manakala permohonan seterusnya seperti bantuan bulanan, bantuan pendidikan, bantuan memulakan perniagaan akan diunjurkan kepada Baitul Mal dan Pusat Zakat negeri di mana saudara Muslim berada. Perkara ini diuruskan oleh KAGAT melalui pasukan terlibat (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Zakat ATM, Jabatan Arah KAGAT, 2020).

KESIMPULAN

Dakwah yang berterusan kepada saudara Muslim perlu dilaksanakan oleh semua pihak dengan penuh kesungguhan dan perencanaan yang sistematik. Metode dakwah kepada golongan ini hendaklah dilakukan dengan pendekatan *al-Hikmah*, *al-Maw'izhah* dan *al-Mujaadalah* yang berlainan dengan apa yang telah dilakukan kepada sasaran dakwah yang lain. Ini kerana golongan saudara Muslim adalah merupakan aset penting dalam konteks dakwah Islam di Malaysia secara amnya dan dalam masyarakat Muslim secara khasnya. Merujuk kepada kemasukan masyarakat non-Muslim ke dalam Islam adalah dari pelbagai faktor yang mendorong mereka. Bagi golongan ini, mereka berhadapan dengan pelbagai masalah, cabaran dan kesulitan dalam kehidupan harian serta undang-undang yang tidak dapat dipisahkan kerana setiap sesuatu perkara yang melibatkan umum adalah tertakluk di bawah perlembagaan persekutuan. Sehubungan itu, KAGAT sebagai organisasi dakwah yang bertanggungjawab untuk membimbing dan memastikan setiap saudara Muslim di dalam ATM menerima dan memahami ajaran Islam dengan sebaik mungkin hendaklah sentiasa menyediakan program-program dakwah dan pembangunan pendidikan Islam yang lebih segar dan menepati kehendak dan keperluan saudara Muslim dari masa ke semasa.

RUJUKAN

- Abd Aziz Mohd Zin. 2004. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd Aziz Mohd Zin. 2001. Pengantar Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Munir Ismail. 2014. Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam. Tanjung Malim Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Karim Zaidan. 1999. Usul al-Da'wah. Beirut. Mua'assasah al-Risalah.
- Ahmad Effat Mokhtar. 2018. Penerimaan Program Dakwah dalam Kalangan Golongan Profesional Melayu di Negeri Pahang. Tesis PhD . Tanjung Malim Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Munawwar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2018. Kaedah penyelidikan sosial dari perspektif Islam. Bangi: Penerbit UKM.
- Arahan Pentadbiran Kursus Pemantapan Akidah Saudara Muslim Perdana Peringkat 5 Divisyen. 2021. 5 BGD/G1/KAGAT.100-12/5 bth 20 Mei 2021.

- Arahan Pelaksanaan Program Mentor Mentee Saudara Baru (PMMSB). 2019. 4 BGD (AGAMA) 100-24/1/20 bth 19 Mac 19.
- Arahan Pentadbiran Geran Tetap untuk Sumbangan kepada Saudara Muslim ATM. 2012. MATM/BPA-KAGAT(KAS-KEB)/1507/1 Jil 8(24) bth 12 Dis 12.
- Al-Razi, Imam Zain al-Din Muhammad ibn Abu Bakr Ar-Razi. 1995. Mukhtar as-Sihah.
- Fuad Ifram al-Bustani. 1956. Munjid al-Tullab. Cet. 3. Beirut. Dar al-Mashruq.
- Ghazali Darussalam. 1996. Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors.
- Ibnu Manzur. Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram. 1994. Lisanul Arab, 179-181. Beirut Dar Sadir.
- Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, Ismail, N. 2015. Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf dalam Kalangan Muallaf di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (INFAD)*, 6: 111-134.
- Kor Agama Angkatan Tentera. 2006. Manual Kualiti. Kuala Lumpur. Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Kor Agama Angkatan Tentera. 2008. Panduan Pendidikan Moral dan Etika ATM. Kuala Lumpur. Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Kor Agama Angkatan Tentera. 2009. Kaedah CBQ. Kuala Lumpur. Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Kor Agama Angkatan Tentera. 2014. Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Saudara Muslim Angkatan Tentera Malaysia. Kuala Lumpur. Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Kursus Intensif Saudara Muslim ATM. 2021. BPA KAGAT(KAS) 500-5/6/1, 1(10).
- Laporan Program Pendidikan Kerohanian Saudara Muslim MATM. 2020. BPA-KAGAT (KAS) 100-3/1/2.
- Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Zakat Angkatan Tentera Malaysia (TZ ATM) Kali Ke 45. 2020. BPA-KAGAT(KAS)400-8/12, 4 (28) bth 15 Apr 2020.
- Minit Mesyuarat Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan Islam ATM Ke 31. 2019. MATM/BPA-KAGAT (PSM LAT)/500-5/1/2-02.
- Mariam Abd.Majid, Marlon Pontino Guleng. 2014. Masjid Dan Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia: Sorotan Awal. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF)*. 168 – 179.
- Nawawi Daud. 2020. Perintah Ulung Ketua Pengarah KAGAT Ke 7. Jabatan Arah KAGAT: Kementerian Pertahanan.
- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin. 2019. Isu Dan Cabaran Saudara Baharu Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal AL-ANWAR*, 8 (2):1-13.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid & Ain Nathasha Omar. 2017. Metodologi pengajaran muallaf di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 4:215-233.
- Program Musa'adah Peringkat TD. 2021. MK TD/G1/KEB 500-6/2/2 (01).
- Sekretariat Markas Tentera Darat. 2013. Berita Tentera Darat. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Sayyid Qutb. 2000. Tafsir fi Zilal al-Quran. Terj Zaki Hj Yacb. Jil 10. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Sa'id Hawwa. 2003. *Al-Asas fi al-Tafsir*, Kaherah: Maktanah Dar al-Salim.

Wahbah al-Zuhaili. 2007. *Tafsir Al-Munir*, 5, 613.

Yusuf al-Qaradawi. 1978. *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: Dar Sadir.

Zaki Masi'al. 1985. *Al-Ni'mah al-Kubra: Soroton Pemikiran Dakwah Islamiah*. Kaherah: Mathba'al-Sa'adah.